



Ruj. Kami : SPA:PG 489/500-1.1 ( 1 )  
Tarikh : 6 April 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN BERDASARKAN KELAYAKAN MASUK BAGI CALON LANTIKAN TETAP**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, penentuan gaji permulaan calon yang dilantik tetap adalah berdasarkan skim perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan 5(1) dan Peraturan 25(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012].

3. Untuk memastikan penentuan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan yang memperuntukkan Kelayakan Masuk Pelbagai dapat dilaksanakan dengan segera, Mesyuarat Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 1/2023 (3016) pada 28 Februari 2023 telah membuat ketetapan berikut:

- (a) permohonan hendaklah dikemukakan sebaik sahaja pegawai melaporkan diri bertugas dan tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun;
- (b) pegawai hendaklah telah memperoleh kelayakan/kelulusan akademik/sijil kekompetenan atau kemahiran yang diiktiraf dan disahkan oleh senat universiti/jawatankuasa/badan profesional/agensi pengiktirafan kelayakan berkaitan pada atau sebelum tarikh lapor diri bertugas;
- (c) bidang penghususan atau kelayakan akademik lebih tinggi yang dimiliki hendaklah menepati bidang yang telah ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan dalam Penyata Lembaga Permulaan semasa urusan pengambilan calon dibuat; dan


- (d) pelarasan gaji dibuat secara isyarat dan dibayar pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon memaklumkan kepada pegawai yang layak untuk mengambil tindakan sewajarnya. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh berhubung dengan Bahagian Pengambilan bagi urusan Gred 29 ke atas dan Bahagian Pengambilan Khas bagi urusan Gred 19 ke bawah. Perhatian dan kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.
5. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai **28 Februari 2023**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah



**(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)**